

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI PEMBUKAAN RASMI PENGKALAN KONTENA DI PELABUHAN KELANG, SELANGOR PADA 28^{HB} NOVEMBER, 1973

Y.M. Raja Azam,¹ Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pagi ini kita bersama-sama menyaksikan satu peristiwa penting dalam sejarah Pelabuhan Kelang bahkan juga dalam sejarah negara—an important milestone in the history of Port Kelang—dan saya amat sukacita melakukan pembukaan rasmi Container Terminal ini.

Hanya beberapa bulan yang lalu saya telah berpeluang melawat pelabuhan ini serta melihat perkembangan yang sedang berlaku di sini. Oleh yang demikian, suka saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan pujian kepada semua pihak khususnya kepada Lembaga Pelabuhan Kelang ini kerana usaha dan tekun mereka dapat menyiapkan Container Terminal ini dalam jangka waktu yang dijadualkan.

Sungguhpun Container Terminal ini bukanlah besar, namun dengan siapnya negara kita memasuki zaman baru dalam context perhubungan moden dan meletakkan negara kita antara beberapa negara di dunia ini yang mempunyai kemudahan-kemudahan bagi containerised transportation. Indeed, we are proud to be among the advanced countries of the world in terms of modern transportation technology.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya merasa gembira kerana peristiwa hari ini juga membuktikan kemajuan yang dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua dan hanya dua hari dahulu saya telah membentangkan Kajian Semula Pertengahan Penggal atau Mid-Term Review di Parlimen. Kita telah memperuntukkan sebanyak \$358.8 juta bagi pembinaan pelabuhan baru serta membaiki kemudahan-kemudahan yang ada termasuklah pembinaan jeti serta pembelian alat kelengkapan. Di

¹ Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang.

Semenanjung Malaysia, dua pelabuhan baru telah dimulai pembinaannya iaitu Tanjung Gelang di Pahang dan Pasir Gudang di Johor—sementara rancangan-rancangan sudahpun siap untuk membina pelabuhan-pelabuhan baru di Sabah dan Sarawak di samping memperbaiki pelabuhan di Kuching dan Kota Kinabalu. Perkembangan-perkembangan ini adalah diselaraskan dengan keperluan masa hadapan memandangkan pada kemajuan-kemajuan pesat yang sedang dan mulai berjalan sekarang ini di Pahang Tenggara dan Trengganu Tengah, di Johor Tenggara dan kawasan Bintulu di Sarawak.

Meskipun perkembangan-perkembangan ini bertujuan untuk memberikan kemudahan dan perkhidmatan untuk hinterland yang lebih luas, peranan Pelabuhan Kelang akan terus ditingkatkan bagi memenuhi keperluan-keperluan perkapalan di Pantai Barat terutama bagi kawasan perindustrian Kuala Lumpur dan Kelang Valley yang sedang maju dengan pesat sekali.

Tidak berapa lama dahulu, keadaan di pelabuhan ini begitu sesak sekali hingga timbul sungutan dari syarikat-syarikat perkapalan dan lain-lain tentang kelewatan yang berlaku disebabkan oleh buncing of ship arrivals dan juga perkhidmatn-perkhidmatan berkaitan yang kurang memuaskan. Saya puashati dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Pelabuhan ini untuk memperbaiki kemudahan serta memberikan perkhidmatan yang lebih cekap. Bagaimanapun, untuk jangkawaktu yang lebih panjang, saya rasa amatlah mustahak kita mengambil sikap yang lebih berani dalam perancangan kemajuan pelabuhan dan saya telahpun mengarahkan Lembaga Pelabuhan Kelang supaya menyemak semula projection masa hadapan dan mengambil langkah serta merta memperbaiki dan meluaskan scope perkhidmatan supaya keadaan sesak tidak akan berulang lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Serentak dengan perkembangan dan kemajuan pada segi mengadakan infrastructure, satu lagi perkara yang amat dirasakan ialah kekurangan tenaga-tenaga terlatih khasnya dalam sektor perkhidmatan laut atau marine service. Kerajaan bercadang mengadakan sebuah Akademi Pelaut atau Marine Academy kita sendiri untuk melatih pemandu laut dan lain-lain kakitangan yang diperlukan. Buat masa ini kita terpaksa menghantar mereka keluar negeri dan

di waktu akhir-akhir ini ramai pelatih-pelatih kita sedang mengikuti pendidikan dan latihan dengan jasa baik Kerajaan Indonesia yang mana kita sungguh berterimakasih kepada negara jiran itu. Saya suka melihat lebih ramai lagi belia kita mengambil jurusan pe-lautan ini sebagai career mereka, terutama belia Bumiputra, supaya menghidupkan semula tradisi nenek moyang kita sebagai bangsa pelaut yang terkenal di zaman sebelum kedatangan orang-orang Eropah dulu.

Kita boleh berbangga hari ini dengan syarikat perkapalan sendiri iaitu MISC—already a burgeoning enterprise fast approaching the million—ton mark. Di samping itu, Angkatan Tentera Laut kita sedang diperbesar dan dimodenkan, dan tidak berapa lama lagi akan mempunyai pengkalan baru di Lumut. Kedua-dua cabang ini akan dapat meningkatkan kemampuan kita dari segi mengadakan tenaga-tenaga pelaut yang mahir supaya dalam tempoh yang singkat kita mempunyai Ship Masters yang cekap dan membolehkan mengendalikan kapal-kapal besar bagi international routes sepertimana yang terdapat dalam Malaysian Airlines System hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Untuk beberapa tahun akan datang ini, tumpuan perhatian kita ialah untuk meningkatkan marine industrial sector manakala limbungan kapal di Pasir Gudang siap kelak serentak dengan perkembangan MISC menurut programnya. Tidak syak lagi Ship-yard Project di Pasir Gudang itu akan membuka prospek yang lebih luas bukan saja dari segi hendak berdikari atau self-reliant dalam pembinaan kapal dan perkhidmatan rawatan—ship building and repairs—tetapi yang lebih penting pada saya ialah matlamat penyusunan semula masyarakat kita hendak membina jenerasi baru yang lengkap pengetahuan dan kemahiran moden technology. Saya ingin melihat projek pelabuhan Kuantan memberikan perhatian juga kepada aspek ini sebagai complementary kepada Limbungan MARA di Kuala Trengganu, memandang pada keperluan bot nelayan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan di samping menambahkan peluang bekerja. Kita agak ketinggalan dalam jurusan ini untuk sekian lama dan kerana itu patutlah mengejar masa supaya dapat menduduki tempat yang wajar antara negara-negara lain—our rightful place among maritime nations. We are for a long time very much, behind in ship-building industry and

I feel we should step up our efforts in this field in order to ensure our rightful place among maritime Nations of the world.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seperti yang saya katakan tadi, dengan memasuki Container era ini negara kita maju setapak lagi ke hadapan di bidang pengangkutan kapal. Bagaimanapun, tujuan kita bukanlah semata-mata hendak mengadakan perkhidmatan baru dan moden ini seperti negara-negara lain; sebaliknya yang muktamad ialah supaya dalam urusan mengendalikan export dan import, barang-barang buatan kita yang diexport menjadi lebih competitive sementara yang diimport lebih murah kepada pengguna. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah juga mengarahkan agensi-agensi yang berkenaan—Keretapi Tanah Melayu, Kontena Nasional—antara lain-lain—supaya bersedia menghadapi cabaran yang timbul dari operasi Container Tarminal ini.

We must recognise the fact that containerisation will be successful in the long run only if those connected with the service develop proper co-ordination with one another. There must be co-operation all along the line and all agencies concerned must take it as their joint responsibility in seeing that their respective roles are properly performed. Since containerisation represents a break from the traditional mode of cargo movement, its success requires also a change in the attitudes of our exporters and importers. The age-old method of moving cargoes in small quantities must give way to the new requirements of Container operations. And all these must ultimately bring benefit to the country and consumers in terms of lower cost and better quality goods. In the highly competitive world of today, we simply cannot afford to rest on our past laurels nor cling to old traditions of doubtful values. We must change with the time unafraid to adopt and use the latest in technological advancement. Containerisation is synonymous with modern shipping and it has come to stay. In order to keep up with the changing times, we have to pay a price—albeit high—but in this respect, I think, it is worth the investment.

Ladies and Gentlemen,

I wish also to take this opportunity to welcome the Hamburg express—the second container ship to call—which is here to grace this auspicious occasion. While we appreciate her presence and

I am sure many more ships to come as evidence of their confidence in us and in the operation of Malaysian Ports, I would like on behalf of the Government to assure all shippers, particularly container ships—that we will do everything possible to see that our facilities are kept at maximum efficiency so that the full benefits of containerisation will be enjoyed by all.

Dengan kata-kata itu saya sukacita merasmikan Container Terminal ini sambil berdoa mudah-mudahan mendapat penuh kejayaan dan membantu ke arah kemakmuran dan kebahagiaan negara.